

09/11/2003

Pembangkok mahu Pak Lah bawa perubahan

Ismail Mat

Pandangan Setiausaha Agung DAP, Kerk Kim Hock

APA pandangan terhadap perubahan pucuk pimpinan negara yang berlaku lebih seminggu lalu dan mungkinkah DAP gembira dengan persaraan Tun Dr Mahathir?

Pada saya, baik juga beliau bersara kerana sudah begitu lama berkhidmat kepada negara dan mencapai kejayaan besar walaupun ada kegagalannya tetapi saya rasa sampai masanya beliau harus bersara. DAP mengucapkan selamat bersara tetapi pada saya persaraan seseorang itu tidak wajar disusuli dengan rasa gembira atau sebaliknya. Yang paling mustahak adakah pertukaran pucuk pimpinan baru akan memberikan negara kita peluang untuk melihat perubahan yang menjadi harapan rakyat terutama sekali pengkritik bekas perdana menteri yang banyak menegaskan kita membayar harga yang tinggi bagi demokrasi negara untuk pembangunan yang kita capai selama ini.

Ada pihak berharap perubahan pucuk pimpinan menimbulkan suasana tidak menentu kepada negara. Bagaimana DAP melihat situasi ini?

Saya tidak pernah berfikir pertukaran pucuk pimpinan akan menimbulkan suasana tidak menentu dalam negara kerana ini bukan kali pertama kita mendapat Perdana Menteri baru. Walaupun ada banyak kecacatan dalam sistem demokrasi, pada asasnya struktur demokrasi kita agak kukuh. Ada kehakiman, eksekutif dan perkhidmatan awam. Struktur negara kita agak kukuh dan saya tidak pernah terfikir pertukaran ini boleh membawa keadaan yang membimbangkan kita. Suasana berjalan lancar seperti yang kita duga dan DAP tidak pernah mengharap keadaan tidak tentu arah akan berlaku.

Apa pandangan DAP terhadap kepemimpinan Dr Mahathir?

Dalam ucapan saya di Parlimen dua hari lalu, saya katakan bahawa kita harus menghargai kejayaan dan sumbangan beliau kepada negara ini tetapi masa sama kita tidak harus hindarkan kegagalan dan kesilapan yang beliau buat. Tentu kita tidak boleh hentam keromo saja dengan mengatakan semua tak betul atau puji semata-mata seolah-olah semuanya cantik. Kita harus objektif dalam membuat penilaian. Yang paling mustahak, kini mempunyai pemimpin baru. Penting kini kita mesti mara ke depan dengan membina negara atas kejayaan yang beliau capai sambil kita mengambil iktibar dari kegagalan beliau. Saya rasa Dr Mahathir akan dianggap perdana menteri yang handal dan secara keseluruhannya beliau bersara sebagai great prime minister yang tidak dapat dinafikan lagi.

Bagaimana pula dengan pemilihan Pak Lah?

Memang Pak Lah mempunyai gaya kepemimpinan yang berbeza daripada Dr Mahathir. Ada orang kata beliau tidak sehandal Dr Mahathir. Saya rasa beliau mempunyai kekuatan yang Mahathir tidak ada, tetapi saya berkeyakinan beliau berkelayakan dan berkualiti untuk jadi Perdana Menteri, tetapi rakyat tidak harus membandingkan beliau dengan Dr Mahathir. Sebaliknya memberikan dia peluang untuk menunjukkan kebijaksanaan dan idea-idea serta kualitinya.

Apa harapan DAP kepada kepemimpinan Pak Lah apabila menyatakan kita bayar harga yang mahal untuk demokrasi di negara ini ketika di bawah Dr Mahathir?

Memang kita rasa Pak Lah harus sedar yang kerajaan boleh belajar dan ambil iktibar daripada kritikan yang disampaikan oleh pembangkang dan bukan pujian penyokong Barisan Nasional (BN) saja. Harapan kita, negara harus terus maju tanpa terus mengorbankan nilai-nilai demokrasi hak asasi yang selama ini menjadikan kritikan dan kekecewaan DAP terhadap Dr

Mahathir. Keadaan itu boleh diperbetulkan oleh Pak Lah.

Persaingan mana yang lebih selesa untuk dihadapi sama ada Dr Mahathir atau BN yang akan diterajui oleh Pak Lah pada pilihan raya umum akan datang?

Saya rasa cabaran kedua-duanya agak sama, tetapi pada kita yang lebih penting sama ada kita mempunyai isu yang akan menentukan keputusan yang akan dibuat oleh pengundi. Isu perdana menteri hanya satu, yang paling mustahak ialah isu lain.

Bagaimana keupayaan DAP pada pilihan raya umum akan datang? Mampukah pertahan atau tambah kerusi di Melaka dan Pulau Pinang? Pak Lah selaku anak jati Pulau Pinang pula baru dilantik sebagai PM?

Memang pilihan raya akan datang, kami anggap pilihan raya yang bukan senang, sebaliknya sengit kerana perubahan politik yang berlaku sejak beberapa tahun kebelakangan ini terutama sejak pemilikan akhbar Cina berubah, pemikiran politik rakyat sudah berubah sejak 1990, kerajaan juga memperkenalkan program liberalisasi walaupun kecil. Ini semua telah wujudkan satu landskap politik yang berbeza sebelum 1990. Saya rasa DAP ada peluang untuk tambah kerusi kalau kita dapat penuhi tiga faktor utama iaitu mempunyai satu strategi pilihan raya yang berkesan, menyediakan calon yang berkredibiliti dan popular serta mengadakan persiapan yang teratur dan menyeluruh.

Pembangking mempunyai banyak isu pada 1999, berbanding keadaan semasa kini? Mampukah DAP menarik sokongan rakyat pada pilihan raya akan datang?

Sememangnya bagi DAP terutama di kalangan masyarakat Cina, kita tidak kekurangan isu. Hanya keadaan mood politik kini berubah sedikit. Pada 1999, ada mood reformasi yang telah berikan satu suasana kepada pembangking. Kini pandangan rakyat kepada kerajaan telah berubah. Namun kita tidak akan buat kesimpulan sehingga keputusan diketahui.

Kalau begitu keadaannya, adakah masyarakat Cina yang sokong pembangking dan Melayu yang sokong pembangking akan memberi undi kepada DAP atau PAS di kawasan pertandingan?

Itu saya tidak tahu, macam mana mereka akan undi. Terpulang kepada mereka, tetapi kepada DAP di mana kita lawan, kita harap penyokong pembangking akan undi DAP. Kita tidak bagi arahan apa-apa pun.